

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN MULUT**

~~~~~

**Pada : 21 Jamadilawal 1447H  
12 November 2025**

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :**

**1. YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL - KUALA BALAH**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha kerajaan negeri untuk memastikan pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Strategik Kelantan Futures State 2033 agar visi Kerajaan Negeri dapat dicapai secara berperingkat, inklusif dan konsisten.

**JAWAPAN: (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

Kerajaan Negeri melalui dokumen *Kelantan Futures State: Kelantan Sejahtera 2033 (KFS2033)* telah menetapkan visi untuk menjadikan Kelantan sebagai "*Kelantan Sejahtera 2033*" menjelang tahun 2033. Bagi memastikan visi ini dapat dicapai secara berperingkat, inklusif dan konsisten, beberapa langkah strategik telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri seperti berikut:

**1. Penstrukturan Pelaksanaan Melalui Halatuju Portfolio**

Kerajaan Negeri telah menyelaraskan pelaksanaan KFS2033 melalui Dokumen Induk Penghayatan Membangun Bersama Islam dan Halatuju Portfolio Kerajaan Negeri Kelantan 2024-2028.

Setiap portfolio Exco telah menyediakan Pelan Tindakan Lima Tahun (2024-2028) yang berpaksikan kepada 19 Kuasa Pengerak (*driven force*) KFS2033, yang melibatkan komponen antaranya:

- Menekankan kecekapan pentadbiran, integriti kepimpinan, dan penerapan teknologi digital dalam pengurusan negeri
- Pertumbuhan ekonomi Islam, industri halal, pelaburan beretika dan daya tahan ekonomi hijau yang lestari.
- Pembangunan fizikal, sistem logistik, akses air dan jaringan mobiliti sebagai asas kemakmuran negeri.
- Pembentukan belia kalis masa depan, insan rabbani, kesejahteraan keluarga, dan kestabilan sosial sebagai tonggak masyarakat sejahtera.

- Kelestarian alam sekitar dan pengurusan air sebagai paksi utama pembangunan mampan.

Melalui pendekatan ini, setiap portfolio mempunyai indikator prestasi (KPI) yang jelas dan diukur secara berkala bagi memastikan pelaksanaan dasar dan projek kerajaan negeri berjalan selaras dengan visi KFS2033.

## **2. Pemantauan Melalui UPEN dan SPARK**

Pelaksanaan dan pemantauan ini dijalankan dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik (SPARK) Pejabat Menteri Besar Kelantan yang berfungsi sebagai penyelaras dalam memastikan setiap Pelan Tindakan dilaksanakan selaras dengan dokumen *Kelantan Futures State 2033* dan *Halatuju Portfolio Kerajaan Negeri Kelantan 2024-2028*. UPEN dan SPARK bersama-sama menjalankan pemantauan prestasi secara sistematik dan turut:

- i. Menyenaraikan sejumlah 770 Pelan Tindakan yang perlu dilaksanakan oleh hampir 150 jabatan dan agensi mengikut tempoh yang telah ditetapkan (2024-2028).
- ii. Mengadakan pemantauan secara berkala bagi memastikan status pelaksanaan Pelan Tindakan dibawah jabatan atau agensi.
- iii. Melaporkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan isu-isu yang timbul atau halangan yang tertentu yang mempengaruhi prestasi pelaksanaan Pelan Tindakan.

## **3. Menerapkan Pemikiran Masa Depan**

Bagi mengemudi *Futures State*, adalah amat penting bahawa pemimpin-pemimpin kerajaan dan pentadbir-pentadbir mempunyai pemikiran masa depan. Pemikiran Islam sendiri menekankan konsep al-Istiqlal (pemerhatian), ijtihad, dan tajdid - kesemua ini berteraskan kesedaran terhadap perubahan zaman.

## **2. YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR - MENGKEBANG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan bentuk-bentuk usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan terutama melalui program-program khusus untuk menjadikan slogan Penghayatan Membangun Bersama Islam dihayati seterusnya diamalkan oleh golongan Gen-Z di negeri ini.

### **JAWAPAN : (YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD)**

Kerajaan Negeri Kelantan melalui dasar "Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) 2023-2033" terus komited memastikan nilai dan gagasan Islam diterjemahkan dalam setiap dasar pembangunan negeri, termasuk dalam agenda pembangunan belia dan generasi muda. Bagi memastikan golongan Generasi-Z (Gen-Z) benar-benar menghayati falsafah Membangun Bersama Islam, Kerajaan Negeri melaksanakan pelbagai program di bawah Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) dengan kerjasama Urus Setia Belia dan Sukan (UBeS) serta bertindak sebagai pelaksana utama dasar pembangunan kepimpinan belia. Antara bentuk usaha yang dilaksanakan ialah:

1. Penginstitusian Nilai PMBI Dalam Pembangunan Belia Pelan Strategik Induk KFLI 2025-2033 telah digubal bagi menyokong Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK) dan Dasar Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI). Membangun kepimpinan belia akan menjadi satu bentuk penyebaran nilai yang berkesan kerana pemimpin yang dilatih akan mempunyai ruang dan pengaruh dalam circle masing-masing. Pelan ini meletakkan misi melahirkan belia Al-Qawiyul Amiin, yang bermaksud pemimpin muda yang kompeten, berintegriti dan berakhlak sebagai tunjang utama kepada strategi pembangunan modal insan negeri.
2. Program Kepimpinan Berasaskan Ideologi & Nilai Islam Beberapa program utama telah dianjurkan khusus untuk memperkukuh kefahaman dan penghayatan MBI dalam kalangan belia, antaranya:
  - Syarahan Perdana Kepimpinan: "Ideologi Pemikiran Pemimpin Masa Depan", disampaikan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari bin Mat (Institut Pemikiran Tok Guru), yang memperincikan asas falsafah Membangun Bersama Islam sebagai panduan kepimpinan Gen-Z.
  - Kelantan Future Leaders Academy (KFLA), Kelantan Future Leaders Bootcamp (KFLB) dan Kelantan Future Leaders Camp (KFLC) yang menekankan aspek akhlak, integriti, kepimpinan berasaskan Islam dan projek komuniti sebagai latihan praktikal bagi peserta muda.

- Monthly Leadership Circle (MLC) yang diadakan secara bulanan kepada peserta lepasan program-program utama KFLI sebagai platform interaksi ilmiah dan perkongsian nilai Islam dalam konteks kepimpinan masa kini.
3. Naratif Digital dan Media Sosial Kerajaan Negeri juga memanfaatkan media sosial rasmi belia, khususnya melalui akaun media sosial urusetia belia dan sukan & kelantanfutureleaders di Facebook dan Instagram, bagi menyebarluaskan mesej Penghayatan Membangun Bersama Islam secara kreatif dan berimpak kepada Gen-Z. Antara kandungan yang dikongsi termasuk:
    - Video pendek (Reels) bertemakan penghayatan Islam dalam kepimpinan.
    - Petikan ucapan tokoh ilmuwan dan pimpinan muda negeri.
    - Dokumentasi aktiviti dan program yang berfokuskan kepada nilai PMBI. Pendekatan ini membolehkan nilai Islam disampaikan dalam bahasa dan medium yang lebih dekat dengan realiti anak muda hari ini.
  4. Laluan Pembangunan Kepimpinan Berstruktur (Leadership Pipeline) KFLI juga membangunkan laluan pembangunan kepimpinan berperingkat dan inklusif meliputi:
    - KFLC (Camp) - peringkat sekolah menengah
    - KFLB (Bootcamp) - lepasan SPM dan STPM
    - KFLA (Academy) - mahasiswa anak Kelantan
  5. Felo Darulnaim & ADN Belia - peringkat kepimpinan belia dewasa. Keseluruhan laluan ini dibina berteraskan nilai Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan serta Hubbul Watan agar generasi muda dapat memahami hubungan antara iman, tanggungjawab dan kecemerlangan kerja dan inilah inti pati kepada Penghayatan Membangun Bersama Islam.
  6. Advokasi Dasar dan Khidmat Komuniti Melalui program seperti Kelantan Future Leaders Townhall, program projek lapangan komuniti dibawah Kelantan Future Leaders Academy, dan inisiatif program-program kebajikan dan kesedaran yang dibuat dibawah program ADN Belia, belia dilatih untuk mengaplikasikan nilai Islam dalam perkhidmatan kepada masyarakat, bukan sekadar dalam wacana atau teori.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri Kelantan terus mengangkat "Penghayatan Membangun Bersama Islam" sebagai gagasan pembangunan yang hidup, praktikal dan menyeluruh dalam setiap program yang dilaksanakan. Melalui pelaksanaan berterusan di bawah Kelantan

Future Leaders Institute (KFLI), nilai-nilai Islam bukan sahaja diperkukuh dalam aspek latihan dan kepimpinan, malah dizahirkan dalam bentuk amal komuniti serta tanggungjawab sosial. Usaha ini diyakini mampu melahirkan generasi muda Kelantan (khususnya GenZ) yang berilmu, berakhlak dan berdaya saing, sekali gus memperkukuh asas negeri yang berkat, maju dan sejahtera di bawah naungan Islam.

### **3. YB TUAN ZURAIDIN BIN ABULLAH - CHETOK**

Minta YAB Dato Panglima Perang Menteri Besar Kelantan nyatakan, sejauh manakah sasaran tenaga hijau negeri menyumbang kepada matlamat peringkat nasional sebanyak 31% pada tahun 2025 serta apakah kapasiti semasa tenaga boleh baharu di Kelantan?

#### **JAWAPAN : (YB DATO'WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)**

Kerajaan Negeri Kelantan sedang giat melaksanakan pembangunan sektor tenaga hijau sebagai salah satu komponen penting dalam agenda kelestarian dan pembangunan mampan negeri. Tumpuan utama diberikan kepada dua sumber tenaga boleh diperbaharui iaitu tenaga hidro dan tenaga solar, sebagai usaha menyokong dasar tenaga lestari negara bagi mencapai 31% tenaga boleh diperbaharui pada tahun 2025.

Beberapa projek utama sedang dan telah dilaksanakan di Kelantan. Projek hidro Pergau yang dikenali sebagai Sultan Ismail Petra telah mula beroperasi sejak tahun 2003 dengan kapasiti 600 MW, menjadikannya loji bawah tanah terbesar di Semenanjung Malaysia. Selain itu, projek hidro kecil di Sungai Kenerong turut menyumbang tenaga kepada grid dengan kapasiti 20 MW. Dalam kategori tenaga solar pula, projek solar terapung Danau Tok Uban yang merupakan terbesar di Malaysia telah mula beroperasi pada Januari 2025 dengan kapasiti 60 MW.

Tambahan pula, pembinaan Empangan Hidroelektrik Nenggiri (Nenggiri HEP) yang mempunyai kapasiti 300 MW sedang dijalankan dan dijangka siap menjelang tahun 2027. Ini merupakan projek tenaga boleh diperbaharui tunggal terbesar milik TNB di negeri ini. Di samping itu, terdapat projek hybrid yang menggabungkan tenaga hidro dan solar di Pergau dengan kapasiti 45 MW yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2026, termasuk dengan integrasi sistem penyimpanan tenaga (BESS).

Projek tenaga solar darat di bawah pelaksanaan syarikat Samaiden Berhad menerusi program Large Scale Solar 5 (LSS5) pula dijadualkan untuk mula beroperasi melalui perjanjian pajakan tanah seluas 400 ekar bersama Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Projek ini berkapasiti hampir 100 MW dan dijangka menyumbang tenaga sebanyak 150 GWh setahun. Tambahan pula, Malakoff sedang membangunkan tiga projek stesen jana kuasa hidro kecil (SHP) di Sungai Galas, Kuala Krai, Kelantan, dengan kapasiti gabungan 84MW iaitu Kemubu SHP (29.0MW), Kuala Geris SHP (25.0MW) dan Serasa SHP (30.0MW).

Dari segi penggunaan, meskipun lebih 95% kapasiti penjanaan tenaga di Kelantan datang daripada sumber hijau, kadar penyerapan ke dalam grid adalah lebih rendah disebabkan oleh kekangan sambungan kepada Grid Nasional. Pada tahun 2025, dianggarkan sekitar 31% daripada permintaan tenaga elektrik negeri dijana daripada sumber boleh diperbaharui. Walau bagaimanapun, dengan penyempurnaan projek-projek utama seperti Nenggiri HEP, LSS5 dan rangkaian Small Hydro Plants (SHP), peratusan ini dijangka meningkat kepada sekurang-kurangnya 46% menjelang tahun 2027. Kesimpulannya, Kelantan sedang berada pada landasan yang kukuh dalam memacu pembangunan tenaga hijau, sekali gus memperkukuh keupayaan negeri dalam menjana tenaga mampan dan menyumbang kepada sasaran tenaga boleh diperbaharui negara.

**Senarai Projek Tenaga Hijau Utama di Kelantan**

| PROJEK                             | JENIS             | KAPASITI<br>(MWAC) | STATUS / COD                 | JANAAN<br>TAHUNAN<br>(GWH) | BUTIRAN                                           |
|------------------------------------|-------------------|--------------------|------------------------------|----------------------------|---------------------------------------------------|
| Sultan Ismail<br>Petra /<br>Pergau | Hidro             | 600                | Operasi sejak<br>2003        | ≈ 1,300                    | Loji bawah<br>tanah<br>terbesar di<br>Semenanjung |
| Sungai<br>Kenerong                 | Hidro<br>kecil    | 20                 | Operasi                      | ≈ 70                       | IPP Musteq<br>Hydro                               |
| Danau Tok<br>Uban<br>(DTU1+DTU2)   | Solar<br>Terapung | 60                 | COD Jan 2025                 | 140                        | Solar<br>terapung<br>terbesar di<br>Malaysia      |
| Nenggiri HEP                       | Hidro             | 300                | Dalam<br>pembinaan<br>(2027) | 600                        | Projek RE<br>tunggal<br>terbesar TNB              |
| Hybrid Pergau                      | Hidro +<br>Solar  | 45                 | Perancangan<br>(2026)        | -                          | Integrasi<br>dengan BESS                          |
| Samaiden LSS5                      | Solar<br>Darat    | 99.99              | Perjanjian<br>pajakan 2025   | 150                        | Pajakan 400<br>ekar dengan<br>PKINK               |
| Serasa, Kuala<br>Gris & Kemubu     | Hidro<br>sungai   | 30 + 25 +<br>29    | Dalam<br>pembinaan           | 230                        | Rangkaian SHP<br>Malakoff/ RP<br>Hydro            |

#### **4. YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR – BUKIT BUNGA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar berkongsi indikator atau penanda aras yang digunakan kerajaan dalam menilai keberkesanan pelbagai inisiatif pembangunan wanita dan keluarga, seperti Tabung Usahawan Wanita, supaya kejayaan program ini dapat dijadikan model rujukan bagi negeri lain.

#### **JAWAPAN : (YB DATO' ROHANI BINTI IBRAHIM)**

Kerajaan Negeri Kelantan menilai keberkesanan pelbagai inisiatif pembangunan wanita dan keluarga melalui beberapa indikator utama yang merangkumi aspek input, output, outcome dan impak bagi memastikan setiap program yang dilaksanakan benar-benar memberi manfaat kepada golongan sasaran serta menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negeri. Antara indikator yang digunakan adalah seperti berikut:

i. **Tahap penyertaan wanita dalam program**

Mengukur jumlah dan peratusan wanita yang menyertai pelbagai latihan, kursus dan program keusahawanan, kepimpinan serta kebajikan keluarga yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan negeri.

ii. **Peningkatan taraf sosioekonomi wanita**

Dinilai melalui peningkatan pendapatan peserta, pertambahan bilangan usahawan wanita yang berjaya, serta kadar penglibatan wanita dalam sektor ekonomi formal dan tidak formal.

iii. **Kesejahteraan dan keharmonian keluarga**

Diukur melalui penurunan kadar kes perceraian dan keganasan rumah tangga, peningkatan kesedaran terhadap tanggungjawab keibubapaan, serta pengukuhan nilai kekeluargaan Islam dalam masyarakat.

iv. **Keberkesanan pelaksanaan dasar dan program**

Dinilai melalui laporan pemantauan, penilaian serta maklum balas daripada peserta program oleh agensi pelaksana seperti Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (UKEKWA).



v. **Tahap kesedaran dan perubahan sikap**

Diukur melalui kajian impak dan soal selidik yang menilai perubahan dari segi pengetahuan, kemahiran dan amalan dalam kalangan wanita dan keluarga terhadap pembangunan diri, keluarga serta masyarakat.

vi. **Pencapaian selaras dengan dasar dan pelan tindakan negeri**

Indikator turut dikaitkan dengan sasaran yang digariskan dalam Dasar Wanita Solehah Negeri Kelantan, Dasar Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan serta Buku Panduan Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan, bagi memastikan setiap inisiatif mencapai matlamat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Melalui pendekatan penilaian ini, Kerajaan Negeri dapat memastikan setiap inisiatif bagi program pembangunan wanita dan keluarga ini memberi kesan positif terhadap pembangunan sosial dan kesejahteraan wanita serta keluarga. Kejayaan pelaksanaan program ini wajar dijadikan model rujukan bagi negeri-negeri lain dalam memperkasa wanita sebagai agen pembangunan masyarakat.

**5. YBM TUAN KU MOHD ZAKI BIN HUSSIN – DABONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Menteri Besar nyatakan, Apakah usaha serta langkah-langkah yang telah di laksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi menghalang dan seterusnya membasmikan gejala-gejala tidak sihat seperti LGBT dan lain-lain?

**JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)**

Kerajaan Negeri telah mendapatkan maklum balas daripada beberapa jabatan yang berkaitan, iaitu Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan (JPSNK) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK). Maklum balas ini menggambarkan pendekatan menyeluruh Kerajaan Negeri yang melibatkan aspek perundangan, penguatkuasaan, pendidikan, pencegahan dan pemulihan dalam menangani isu LGBT di negeri ini.

**1. Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan (JPSNK)**

Pendirian Kerajaan Negeri terhadap LGBT adalah tidak akan mengiktiraf amalan LGBT kerana ia bertentangan dengan ajaran Islam, moral serta nilai masyarakat Kelantan. Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 (EKJS 2019) telah menetapkan pelbagai kesalahan termasuk liwat, musahaqah (hubungan sesama wanita) dan perbuatan menyerupai jantina lain, yang menjadi instrumen kawalan kepada perlakuan tidak bermoral ini.

Usaha Kerajaan Negeri melalui JPSNK dalam memastikan pembasmian gejala LGBT dapat diatasi secara berkesan adalah seperti berikut:

**i. Pendakwaan di Mahkamah Syariah**

Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan (JPSNK) melaksanakan pendakwaan terhadap kesalahan berkaitan LGBT sebagaimana yang diperuntukkan dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019. Kesalahan seperti liwat, musahaqah (hubungan sesama wanita), serta perbuatan menyerupai jantina lain adalah antara perbuatan yang diperuntukkan hukuman. Pendakwaan dibuat secara teliti dengan mematuhi prinsip undang-undang syariah agar hukuman dapat dilaksanakan secara adil dan berkesan.

**ii. Kerjasama Antara Agensi**

JPSNK bekerjasama rapat dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK), Polis Diraja Malaysia, pihak berkuasa tempatan dan agensi lain melalui penubuhan Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial dan Maksiat. Menurut kenyataan kerajaan negeri, Kelantan telah menubuhkan Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial dan Maksiat yang melibatkan beberapa agensi termasuk Polis Diraja Malaysia, JAHEAIK, Jabatan Kesihatan Negeri, Yayasan Islam Kelantan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Agensi Antidadah Kebangsaan dan lain-lain. Kerjasama ini membolehkan siasatan, serbuan, dan pendakwaan dijalankan secara lebih bersepadu, mengelakkan pertindihan tugas, dan meningkatkan keberkesanan tindakan.

**iii. Pendidikan & Kesedaran Undang-Undang**

Selain pendakwaan, JPSNK turut terlibat melaksanakan program penerangan undang-undang di sekolah, IPT, masjid, jabatan kerajaan serta melalui agensi Kerajaan sekiranya mendapat undangan.

Usaha ini bertujuan memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai kesalahan dan hukuman berkaitan LGBT serta kesan buruknya kepada agama, masyarakat dan negara.

**iv. Pemulihan & Bimbingan**

Dalam kes tertentu, khususnya melibatkan pesalah kali pertama, pendekatan keadilan pemulihan (restorative justice) turut diambil. Antara langkah yang digunakan ialah arahan menghadiri kelas Fardu Ain, pengajian Al-Quran, atau sesi kaunseling agama, bagi memberi peluang pemulihan rohani di samping hukuman yang ditetapkan oleh mahkamah.

**v. Pengukuhan Perundangan**

Selepas keputusan Mahkamah Persekutuan yang membatalkan sebahagian peruntukan EKJS 2019 atas faktor bidang kuasa, JPSNK sedang mengkaji bersama Bahagian Undang-Undang Negeri untuk memperkukuh semula undang-undang agar tidak bercanggah dengan Perlembagaan, namun tetap mengekalkan roh syariah dalam mengekang gejala LGBT.

## **2. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK)**

Isu lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) merupakan gejala yang bercanggah dengan fitrah kejadian manusia, bertentangan dengan ajaran Islam serta menyalahi adat ketimuran dan budaya bangsa kita. Maka, pendirian Kerajaan Negeri Kelantan adalah jelas dan tegas bahawa sebarang bentuk perlakuan, amalan mahupun promosi LGBT tidak akan sesekali diterima atau dibenarkan berlaku di negeri Kelantan Darulnaim yang kita cintai ini.

Dalam hal ini, kerajaan negeri menegaskan bahawa setiap dasar dan pentadbiran negeri sentiasa berpandukan al-Quran dan sunnah. LGBT adalah satu bentuk maksiat dan kerosakan moral yang boleh membawa kepada kemurkaan Allah SWT serta meruntuhkan institusi keluarga dan masyarakat.

Justeru, usaha pencegahan dan pembasmian gejala ini mesti dilaksanakan secara menyeluruh merangkumi aspek pendidikan, dakwah, rawatan, serta penguatkuasaan undang-undang. Antara langkah yang dilaksanakan kerajaan negeri ialah:

- a. **Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah** - melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK), kerajaan negeri memperkukuh penguatkuasaan terhadap perlakuan yang bercanggah dengan hukum syarak, termasuk kes berkaitan LGBT, dengan tujuan mendidik dan mencegah.
- b. **Program Membina Generasi Solat (MGS)** - memberi penekanan khusus kepada pembentukan akhlak remaja sejak kecil agar mereka membesar dengan identiti Islam yang kukuh, sekali gus menutup ruang kepada gejala songsang.
- c. **Program Membina Remaja Iman - Kem Remaja Soleh (MRI-KRS)** - disasarkan kepada golongan remaja terpilih daripada sekolah aliran perdana, Kementerian Pendidikan Malaysia atau sekolah agama di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan berpandukan Modul Remaja Soleh 2.0.
- d. **Program Penerangan Undang-Undang Syariah** - JAHEAIK melalui Pejabat Agama Jajahan turut menganjurkan program kesedaran di sekolah, IPT, serta komuniti, agar anak-anak muda tidak terjebak dengan pengaruh budaya songsang yang sering dipromosikan melalui media sosial dan agenda luar negara.

- e. **Pemasangan papan tanda** berkaitan ancaman perlakuan LGBT di tempat-tempat strategik di seluruh negeri.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) dan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan (JPSNK) akan terus komited, tegas dan berhemah dalam membanteras gejala LGBT, selaras dengan dasar Kelantan sebagai "Membangun Bersama Islam."

Kerajaan Negeri yakin bahawa melalui gabungan pendekatan pendidikan, pencegahan, penguatkuasaan dan pemulihan, masyarakat Kelantan akan terus dipelihara daripada gejala tidak bermoral ini. Usaha bersepadu ini diharapkan akan menjadikan negeri Kelantan sebagai contoh masyarakat Islam yang berakhlak, sejahtera dan diberkati Allah SWT.

**6. YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM – KOTA LAMA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, pelan kerajaan negeri bagi mengatasi masalah parking dan kesesakan jalan raya di sekitar Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) untuk keselesaan orang awam.

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

MPKB-BRI telah menyediakan laluan pejalan kaki berbumbung yang menghubungkan HRPZ II dengan tempat parking kawasan stadium serta tepi jalan utama bagi tujuan mengurangkan kesesakan di kawasan HRPZ II.

**7. YB TUAN MOHD RODZI BIN JAA' FAR - GAAL**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan Sejauh manakah pihak kerajaan memanfaatkan produk2 yang lahir dari program GENTERA dan ADUN Belia untuk membantu Kerajaan Negeri atau DUN2 yang mereka wakili.

**DIJAWAB BERSAMA DENGAN SOALAN DARIPADA YB TUAN HAJI MOHD HUZAIMY  
BIN CHE HUSIN - PANTAI IRAMA**

**JAWAPAN : (YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD)**

Kerajaan Negeri melalui Urus Setia Belia dan Sukan dengan kerjasama Majlis Pembangunan Anak Muda Kelantan (MPAMK) sentiasa memberi penekanan terhadap kesinambungan pembangunan kepimpinan belia yang lahir daripada pelbagai inisiatif terdahulu seperti Program GENTERA dan ADUN Belia Kelantan.

Graduan dan peserta kedua-dua program tersebut telah dikenalpasti sebagai antara produk kepimpinan muda negeri yang kini dimanfaatkan semula melalui pelbagai saluran pembangunan di bawah Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) yang merupakan platform induk pembangunan belia negeri berasaskan Dasar Penghayatan Membangun Bersama Islam dan Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK) serta Pelan Kelantan Sejahtera 2033.

Melalui pelan tindakan KFLI, kerajaan negeri telah menstrukturkan semula pembangunan bakat kepimpinan belia secara berlapis dan berfokus agar kesinambungan ini dapat diterjemahkan dalam bentuk tindakan nyata.

Untuk makluman Dewan yang mulia, perkembangan terkini Program ADUN Belia Kelantan bagi sesi 2025-2026, seramai 57 orang ADUN Belia Kelantan telah dilantik mewakili pelbagai kelompok dan institusi, meliputi:

- 45 orang ADN Belia DUN, mewakili setiap kawasan Dewan Undangan Negeri
- 1 orang wakil Majlis Belia melalui Majlis Gabungan Belia Kelantan (MGBK)
- 1 orang wakil Perpaduan Kaum melalui Pusat Integrasi Antara Kaum Negeri Kelantan (PEKA)
- 1 orang wakil Belia OKU melalui Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK)
- 4 orang wakil institusi pengajian tinggi utama negeri:
  - o Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
  - o Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan
  - o Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

- o Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Kota Bharu (IPGMKB)
- 5 orang ADN Belia lantikan khas EXCO Belia. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, 38 adalah lelaki dan 19 perempuan, menunjukkan keseimbangan penyertaan yang baik dalam kepimpinan muda negeri.

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, 38 adalah lelaki dan 19 perempuan, menunjukkan keseimbangan penyertaan yang baik dalam kepimpinan muda negeri.

Sebagai langkah pemerkasaan awal, Sekretariat Kelantan Future Leaders telah menganjurkan Bengkel Pemerkasaan ADN Belia Kelantan 2025 pada 28-30 Ogos 2025 yang lalu. Bengkel ini memberi penekanan terhadap aspek:

- Kefahaman mandat dan peranan ADN Belia
- Kemahiran komunikasi dasar dan advokasi komuniti
- Serta keperluan merancang dan melaksanakan projek komuniti berimpak (RFP) di kawasan masing-masing

Selain itu, setiap ADN Belia Kelantan juga diwajibkan untuk:

- i. Menghadiri Sidang Dewan Negeri Belia Kelantan yang pertama dijadualkan pada 3-4 November 2025 dan sesi sidang kedua pada Februari/Mac 2026,
- ii. Melaksanakan sekurang-kurangnya satu projek komuniti (RFP) dalam tempoh pelantikan,
- iii. Menganggotai sekurang-kurangnya satu Jawatankuasa Kluster Portfolio,
- iv. Dan bersedia mengikuti sesi bimbingan dan pemantauan berkala oleh Sekretariat.

Sebagai lanjutan daripada bengkel pemerkasaan, ADN Belia telah digerakkan melalui lima (5) kluster jawatankuasa antaranya;

- i. Kluster Jawatankuasa Perancangan Ekonomi dan Kewangan
- ii. Kluster Jawatankuasa Pendidikan, Teknologi, & Pembangunan Modal Insan
- iii. Kluster Jawatankuasa Agama, Dakwah & Komunikasi Strategik
- iv. Kluster Jawatankuasa Sosial, Kebajikan & Komuniti
- v. Kluster Jawatankuasa Alam Sekitar, Pertanian, & Kerajaan Tempatan

Setiap kluster telah melaksanakan siri mesyuarat dan konsultasi bersama agensi yang terbabit untuk membangunkan usul dan cadangan



polisi yang akan dibentangkan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Belia Kelantan 2025 pada awal November ini.

Dari segi fungsi dan gerak kerja lapangan, ADN Belia turut terlibat dalam beberapa aktiviti komuniti termasuk:

Terlibat dalam menggerakkan program kebajikan dan kesedaran sosial bersama masyarakat setempat iaitu Program Cakna Rakyat dan karnival di DUN dan kawasan masing masing, serta terlibatsama dalam Kelantan Future Leader Convention;

- i. Kempen solidariti kemanusiaan seperti Himpunan Aman Solidariti bersama Palestin di berbagai kawasan pada 3 Oktober 2025, serta advokasi solidariti palestini di media sosial
- ii. Program-program pemeraksanaan Kemahiran Bengkel Etiket Sosial dan Protokol
- iii. Dan Sesi libat urus bersama agensi negeri bagi mengenal pasti isu akar umbi yang melibatkan golongan muda seperti peluang pekerjaan, pembangunan kemahiran dan keselamatan sosial

Melalui pendekatan ini, Kerajaan Negeri berhasrat supaya ADN Belia bukan sekadar simbolik pelapis kepimpinan, tetapi menjadi platform latihan kepimpinan sebenar yang melahirkan pemimpin muda berdaya fikir, berakhlak dan berjiwa rakyat seiring dengan visi Kelantan Sejahtera 2033.

Sekretariat turut menggalakkan setiap ADN Belia untuk berkolaborasi dengan Pusat Khidmat DUN masing-masing agar sumbangan mereka dapat disalurkan secara langsung kepada masyarakat dan pengundi muda di kawasan sendiri.

#### **MAKLUMAT TAMBAHAN:**

#### **Manfaat & Kesyinambungan dengan Produk Program GENTERA**

Graduan program GENTERA yang juga sebahagiannya kini menjadi ADN Belia dan juga telah berada dilapangan kerjaya masing-masing yang terbukti dapat memenuhi antara posisi strategik sebagai suara anak muda dalam Kerajaan negeri mahupun agensi luar termasuk menjadi pemimpin mahasiswa dan mempengaruhi anak muda di media sosial. Graduan program Gentera turut memainkan peranan sebagai pendokong dan fasilitator dalam program-program latihan kepimpinan di bawah KFLI seperti:

- i. Kelantan Future Leaders Bootcamp dan Academy,
- ii. sesi advokasi komuniti, serta
- iii. penglibatan dalam kluster kepimpinan dan Pembangunan belia.

Kesinambungan ini memastikan pelaburan latihan terdahulu tidak terhenti, sebaliknya diperluas melalui rangka kerja pembangunan belia yang sistematik dan berterusan.

Melalui pendekatan ini, Kerajaan Negeri bukan sahaja berjaya mengekalkan momentum kepimpinan muda yang dilatih, tetapi turut memperkukuh jaringan penglibatan belia dalam urus tadbir negeri dan masyarakat setempat.

Usaha ini sejajar dengan aspirasi untuk melahirkan Belia AlQawiyul Al-Amin - belia yang kompeten, berilmu dan berintegriti, yang mampu menjadi pemimpin masa hadapan negeri Kelantan Darul Naim.

**8. YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR - GUAL IPOH**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan bagaimana Kerajaan Negeri boleh memberi peluang kepada warga penggiat seni khususnya anak-anak seni dari negeri ini?

**JAWAPAN : (YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR)**

Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah memberi peluang kepada para penggiat seni tempatan, khususnya anak-anak seni dari negeri ini, untuk tampil membuat persembahan dalam majlis-majlis rasmi kerajaan.

Sebagai usaha mengangkat dan memartabatkan warisan budaya negeri, persembahan tradisional seperti Dikir Barat, Wayang Kulit dan Silat telah diberi ruang sepenuhnya kepada penggiat seni kelahiran Kelantan. Ini sekaligus membuka peluang kepada mereka untuk menunjukkan bakat dan mengekalkan kesinambungan seni warisan tempatan. Selain itu, persembahan kebudayaan turut diadakan secara berkala di Gelanggang Seni untuk tatapan awam. Pasukan-pasukan persembahan yang dijemput juga terdiri daripada kumpulan yang berbeza, menunjukkan kepelbagaian serta kekayaan seni budaya Kelantan yang masih terus subur dan relevan.

Langkah ini membuktikan komitmen Kerajaan Negeri dalam menyokong industri kreatif serta memperkukuh identiti budaya negeri melalui penglibatan aktif anak-anak seni tempatan.

**9. YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM - GALAS**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, perkembangan terkini projek KB Sentral.

**JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

Untuk makluman, Status terkini projek KB Central adalah di peringkat penilaian tender di pihak JKR Negeri Kelantan. Jualan dokumen tender bagi projek ini telah dibuka pada 11.09.2025 dan telah di tutup pada 02.10.2025. Berdasarkan perancangan semasa, surat setuju terima (SST) akan dikeluarkan pada tahun semasa.

**10. YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL - KUALA BALAH**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan apakah tindakan susulan selepas Majlis TVET Negeri Kelantan ditubuhkan, siapakah ahli Majlis berkenaan dan apakah 'Key Performance Indicator' (KPI) yang ditetapkan untuk menilai tahap keberkesanannya?

**JAWAPAN : (YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)**

Selepas penubuhan Majlis TVET Negeri Kelantan (MTNK), kerajaan negeri telah mengambil tindakan susulan dengan membentuk struktur organisasi yang jelas melibatkan penubuhan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja. Tujuannya ialah untuk memastikan penyelarasan program TVET dapat dijalankan dengan lebih tersusun, inklusif dan berpaksikan keperluan industri.

**Ahli Jawatankuasa Induk adalah seperti berikut:**

|                    |   |                                                                                                               |
|--------------------|---|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pengerusi</b>   | : | <b>YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan</b>                                                               |
| <b>Ahli</b>        | : | <b>YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan</b>                                |
|                    | : | <b>YB Pengerusi Jawatankuasa Portfolio Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan</b>                       |
|                    | : | <b>YB Pengerusi Jawatankuasa Portfolio Pertanian, Industri Agromakanan dan Komuniti</b>                       |
|                    | : | <b>YB Pengerusi Jawatankuasa Portfolio Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi</b> |
|                    | : | <b>YB Pengerusi Jawatankuasa Portfolio Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita</b>                         |
|                    | : | <b>YB Pengerusi Portfolio Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat</b>                                      |
|                    | : | <b>Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran (Kementerian Sumber Manusia)</b>                              |
| <b>Sekretariat</b> | : | <b>YABrs. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan</b>                                                 |

**Ahli Jawatankuasa Kerja adalah seperti berikut:**

|                   |   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|-------------------|---|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pengerusi</b>  | : | YB Pengerusi Jawatankuasa Portfolio Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| <b>Setiausaha</b> | : | Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) & Pengarah KIAS Skills Development Centre (KIASDEC)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| <b>Ahli</b>       | : | YB Timbalan Exco (yang berkenaan)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|                   | : | Wakil Industri:<br>Persatuan Usahawan Negeri Kelantan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|                   | : | Agensi Kerajaan Negeri: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Unit Perancang Ekonomi Negeri</li> <li>• Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK)</li> <li>• Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)</li> <li>• Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri (PKPNK)</li> <li>• Perbadanan Kemajuan Iktisad Islam (PIK)</li> <li>• Koperasi Warga Hijau Berhad</li> <li>• Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd.</li> <li>• Air Kelantan Utilities (AKU)</li> <li>• Darul Digital Holdings Sdn. Bhd.</li> </ul> |
|                   | : | Wakil Akademia: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Universiti Malaysia Kelantan (UMK)</li> <li>• Politeknik Kota Bharu</li> <li>• Universiti Teknologi MARA (UiTM)</li> <li>• Kolej Poly-Tech MARA (KPTM)</li> <li>• Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)</li> <li>• Kolej Teknologi Darulnaim (KTD)</li> <li>• Kolej Komuniti</li> </ul>                                                                                                                                     |
|                   | : | Agensi Kerajaan Persekutuan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• MARA</li> <li>• HRD Corp</li> <li>• Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kelantan</li> <li>• Jabatan Pembangunan Kemahiran (DSD)</li> <li>• Kementerian Pertanian</li> <li>• Jabatan Perikanan</li> <li>• JPK Wilayah Timur</li> </ul>                                                                                                                                                                                                           |

### **Key Performance Indicator (KPI) MTNK**

Untuk menilai keberkesanan Majlis ini, beberapa KPI telah ditetapkan:

1. Peningkatan bilangan pelajar TVET di kalangan belia, pelajar tercicir, komuniti luar bandar dan B40
2. Bilangan MoU/kolaborasi industri termasuk Akademi Dalam Industri (ADI)

3. Tahap kebolehpasaran graduan TVET Kelantan - peratusan graduan mendapat pekerjaan atau menceburi keusahawanan
4. Tahap kesedaran masyarakat terhadap TVET - diukur melalui program karnival, ceramah dan penyertaan komuniti
5. Peningkatan kompetensi jurulatih TVET - jumlah jurulatih menghadiri kursus profesional dan latihan industri
6. Pembangunan Data Raya TVET Kelantan - tahap integrasi data graduan, institusi dan industri
7. Bilangan kajian/penyelidikan TVET - laporan dasar, inovasi kurikulum dan dapatan analisis keperluan industri

**11. YB TUAN HAJI MOHD FAUZI BIN ABDULLAH – MANEK URAI**

Minta YAB Ustaz Dato Panglima Perang Menteri Besar nyatakan perkembangan terkini status menaiktaraf jalan yang menghubungkan diantara Kampung Laloh Ke Kampung Karangan?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

Perkembangan terkini projek menaiktaraf jalan yang menghubungkan antara Kampung Laloh dengan Kampung Karangan, sedang berada di peringkat pembinaan. Projek ini dilaksanakan dengan kos keseluruhan berjumlah RM35 juta dan berada di bawah seliaan JKR KESEDAR. Tarikh milikan tapak telah diberikan pada 25 Oktober 2022, manakala tarikh siap dijangka pada 24 Oktober 2026. Sehingga kini, kemajuan kerja fizikal mencapai 5.00% sebenar berbanding 46.65% mengikut jadual.



## 12. YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD - MELOR

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan apakah Kerajaan Negeri Kelantan mempunyai mekanisma tertentu untuk menggerakkan masyarakat, NGO, belia masjid dan pelajar-pelajar sebagai barisan hadapan untuk mencegah gejala sosial dan menyedarkan masyarakat bahawa isu ini adalah tanggungjawab bersama.

### JAWAPAN : (YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil Langkah-langkah yang pro aktif dalam menangani isu-isu gejala sosial yang berlaku di negeri ini. Dalam menangani gejala sosial ini, terkini, Kerajaan Negeri melalui Institut Latihan Darul Naim (ILDAN) & Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEIK) telah menyediakan pelbagai mekanisme untuk mencegah gejala sosial sebagaimana berikut:

| JABATAN/AGENSI | MEKANISME                             | PROGRAM/ AKTIVITI                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|----------------|---------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| ILDAN          | Pelaksanaan Komuniti Rabbani (K-RABB) | 1. Pelaksanaan Mukim Rintis Komuniti Rabbani (K-RABB) Merupakan pelaksanaan aktiviti yang berteraskan 9 Budaya K-RABB melalui tiga elemen utama iaitu Keilmuan dan kerohanian, Kebajikan dan sosial, dan Hari Komuniti Rabbani. Program ini sedang berjalan di Mukim Manjor (DUN Manek Urai) dan Mukim Takang (DUN Jelawat) yang melibatkan semua lapisan masyarakat, NGO, pelajar, belia dan masyarakat secara bersama.                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|                |                                       | 2. Program Jelajah Budaya Komuniti Rabbani (K-RABB) di Sekolah Terpilih Yayasan Islam Kelantan (YIK) Sebanyak 7 buah sekolah telah dipilih untuk program penghayatan 9 Budaya K-RABB iaitu Maahad Muhammadi Gua Musang (MMGM), Maahad Muhammadi Rantau Panjang (MMRP), Maahad Syamsul Maarif (P) Pulai Chondong, Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat (MTAQ) Pulai Chondong, Maahad Muhammadi Tumpat (MMT), Maahad Tarbiah Mardhiah Panchor (MTMP) dan SMU(A) Tarbiah Islamiah Chabang Empat. Dua aktiviti utama yang dilaksanakan melalui program ini iaitu Taklimat penghayatan Budaya Komuniti Rabbani kepada warga guru dan pelajar, dan Pemasangan Billboard K-RABB berkenaan mesej penghayatan nilai-nilai Rabbani |

|  |                                                                                          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|--|------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  |                                                                                          | <p>untuk dihayati dan diamalkan oleh komuniti tempatan.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|  |                                                                                          | <p>3. Penghayatan Budaya K-RABB bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Taklimat penghayatan budaya K-RABB kepada seluruh kakitangan PBT supaya dapat diaplikasikan oleh warga PBT dalam setiap program PBT bersama dengan komuniti tempatan.</li> <li>• Pelantikan seorang duta K-RABB di setiap PBT untuk menjadi pemudah cara dalam menyampaikan nilai-nilai Rabbani dalam setiap aktiviti yang dijalankan.</li> </ul>                                                                                                                                    |
|  |                                                                                          | <p>4. Pertandingan Video Kreatif Budaya Komuniti Rabbani (K-RABB)</p> <p>Pertandingan ini membuka ruang penyertaan kepada institusi Pendidikan, NGO, agensi serta masyarakat umum dengan memberi tumpuan khusus kepada golongan belia dengan memuat naik hasil karya melalui akaun media sosial seperti Tik Tok, IG, Youtube dan seumpamanya. Melalui pertandingan ini terdapat video yang telah mendapat hasil tontonan melebihi 100,000 tontonan. Inisiatif ini bagi memanfaatkan kreativiti belia serta menggalakkan penggunaan media sosial sebagai medium dakwah dan penyebaran mesej positif.</p> |
|  | <p>Pelaksanaan Program Bersepadu Menangani Gejala Sosial dan Maksiat Negeri Kelantan</p> | <p>Program bersepadu ini sedang dilaksanakan secara berperingkat oleh Kerajaan Negeri. Bagi peringkat awal, aktiviti yang sedang dijalankan adalah memberi fokus kepada perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pencegahan Tembakau, Vape &amp; Dadah</li> <li>Persidangan Kawalan Tembakau, Nafas</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                             |

|        |                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|--------|----------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|        |                      | <p>Baru (Ramadan), kempen "Katakan Tidak kepada Vape/Merokok", pemerkasaan Mawaddah Centre &amp; Seminar Keluarga Bebas Dadah, serta intervensi SHIELDS (pelajar berisiko) bersama AADK/PEMADAM.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Literasi Digital &amp; Kepenggunaan Bengkel Kesedaran Penipuan Digital &amp; Cetakan Palsu dengan komponen advokasi pengguna dan sokongan penguatkuasaan.</li> <li>• Advokasi Sekolah/IPT &amp; Pembangunan Remaja</li> </ul> <p>PROSTAR (KKM) di sekolah, pendedahan berkala di IPT, Kem Remaja Soleh (MRI), dan Program Mega GTZ melibatkan sekolah YIK/ kolej/ universiti.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Institusi Keluarga &amp; Komuniti Parenting 360, Jaga Diri, Jaga Maruah, KASIH Kanak-Kanak 2025, Jelajah Daie (11 jajahan), We Love We Care (14 parlimen), dan Karnival Mega Kesihatan (HIV/AIDS, GTZ, dll.)</li> </ul> |
| JAHEIK | Program Dakwah       | <p>Program Tazkirah Agensi yang dilaksanakan di jabatan-jabatan kerajaan turut menggunakan modul "Amar Makruf Nahi Munkar", bertujuan memberikan kesedaran kepada pegawai dan kakitangan kerajaan supaya sentiasa berperanan untuk membantu usaha pencegahan gejala sosial.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|        |                      | <p>Program Jelajah Daie yang dilaksanakan oleh semua Pejabat Agama Jajahan. Program ini melibatkan aktiviti dakwah turun padang bersama masyarakat, sukan rakyat, ziarah dhuafa', gotong-royong dan khidmat masyarakat serta pelbagai aktiviti kesukarelawanan.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|        | Penubuhan Skuad AMRU | <p>Fungsi penubuhan adalah untuk membantu pihak penguatkuasa agama melaksanakan tugas Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah. Skuad ini juga berperanan menyalurkan maklumat berkenaan gejala sosial dan kesalahan yang menyalahi undang-undang jenayah syariah.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |

**13. YB DATO' SHAARI BIN MAT HUSSAIN - PALOH**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Menteri Besar nyatakan, Apakah Kerajaan Negeri berhasrat bagi memperkasakan Mahkamah Syariah dari segi aspek digital dengan menggunakan teknologi terkini?

**JAWAPAN : (YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)**

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan (JKSNK) sentiasa berusaha memperkasakan sistem Mahkamah Syariah agar seiring dengan perkembangan teknologi semasa, selaras dengan hasrat pendigitalan perkhidmatan awam negeri. Sejak tahun 2003, Mahkamah Syariah Kelantan telah menggunakan Sistem Pengurusan Kes Mahkamah Syariah (SPKMS) yang kini telah dinaik taraf kepada versi **2.0** bagi mempertingkatkan kecekapan pengurusan dan pemantauan kes. Selain itu, beberapa inisiatif digital turut dilaksanakan, antaranya:

- i. Pelaksanaan pembayaran dalam talian (Online Payment) bagi memudahkan urusan pendaftaran kes tanpa perlu hadir secara fizikal ke kaunter.
- ii. Penggunaan sistem e-Filing untuk pendaftaran kes melibatkan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) **dan** Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan, yang mempercepatkan proses pentadbiran dan dokumentasi kes.
- iii. Pembangunan Digital Document Management System (DDMS) bagi menggantikan sistem fail fizikal konvensional. Melalui sistem ini, carian dokumen seperti perintah mahkamah, keputusan, alasan penghakiman dan dokumen berkaitan dapat dilakukan dengan lebih cepat dan efisien.
- iv. Pengenalan Mahkamah Teknologi, yang membolehkan perbicaraan dijalankan secara jarak jauh bagi memudahkan pihak-pihak yang berada jauh atau menghadapi kekangan untuk hadir ke mahkamah. Pelaksanaan ini tertakluk kepada kaedah serta peraturan yang ditetapkan oleh mahkamah.

Inisiatif pendigitalan ini merupakan langkah penting ke arah memperkukuh sistem kehakiman syariah negeri dan meningkatkan akses kepada keadilan. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya memerlukan sokongan berterusan daripada Kerajaan Negeri, khususnya dari segi peruntukan kewangan, latihan, dan penyediaan peralatan teknologi.

Mahkamah Teknologi Syariah Kelantan telah dirasmikan oleh YB Ustaz Mohd Asri Mat Daud, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah dan Hubungan Seranta Negeri, pada 8 September yang lalu, menandakan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memperkukuh sistem kehakiman Islam melalui penggunaan teknologi terkini.

**14. YB TUAN HAJI AZHAR BIN SALLEH - PULAI CHONDONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan, Apakah status semakan semula Rancangan Struktur Negeri Kelantan dan juga penyediaan Blueprint Bandar Pintar Kelantan?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2040 (RSNK 2040) yang diwartakan pada 31 Disember 2020 (Warta No. 2041) merupakan kajian semula terhadap Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2020. Dokumen ini menjadi panduan utama bagi pembangunan spatial Negeri Kelantan, meliputi aspek fizikal, ekonomi dan sosial menjelang tahun 2040.

Penyediaan RSNK 2040 adalah selaras dengan peruntukan Bahagian III, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang bertujuan melengkapkan sistem perancangan fizikal negeri serta menterjemahkan dasar-dasar Rancangan Fizikal Negara (RFN) ke peringkat negeri.

Berdasarkan Subseksyen 11(1), Akta 172, sesuatu Rancangan Struktur Negeri perlu dikaji semula setiap lima (5) tahun seiring dengan rancangan pembangunan negeri. Buat masa ini, tiada keperluan untuk semakan semula RSNK 2040, namun pengemaskinian berkaitan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) telah dilaksanakan pada tahun 2022.

Sementara itu, Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040 telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Kaya Perkasa Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan pada 13 Julai 2025, dan kemudiannya dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Kelantan Ke-94 (Bil. 2/2025) pada 9 September 2025.

Dokumen Blueprint ini kini lengkap dan boleh dijadikan rujukan rasmi oleh semua agensi, jabatan, serta pihak berkepentingan dalam pelaksanaan inisiatif bandar pintar di Negeri Kelantan. Ia turut akan memandu setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar masing-masing.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040 dijadualkan pada 29 Oktober 2025 dengan tema "Smart Kelantan Catalyst: From Blueprint to Community." Majlis ini bertujuan memperkenalkan, mempromosi dan menyebarkan luas inisiatif serta inovasi bandar pintar kepada rakyat dan semua pihak berkepentingan.

**15. YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN - LIMBONGAN**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Apakah inisiatif baharu kerajaan negeri untuk memperkukuh pendidikan TVET pada tahun hadapan?

**JAWAPAN : (YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)**

Bagi memperkukuh pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET) di negeri Kelantan pada tahun 2026, Kerajaan Negeri melalui Majlis TVET Negeri telah merangka tujuh inisiatif utama.

- i. Menyediakan peluang penyambungan akademik dan mobiliti pendidikan bagi lepasan TVET supaya mereka dapat melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.
- ii. Meningkatkan akses TVET khususnya kepada golongan belia dan komuniti rentan, agar lebih ramai anak muda berpeluang mendapat kemahiran yang relevan dengan keperluan industri.
- iii. Memperkukuh penyelarasan strategik melalui Jawatankuasa TVET Negeri, supaya segala usaha pembangunan TVET dapat dilaksanakan secara lebih tersusun dan berkesan.
- iv. Melaksanakan kempen kesedaran TVET dalam komuniti bagi mengubah persepsi masyarakat tentang kepentingan pendidikan teknikal dan vokasional.
- v. Memberi tumpuan kepada latihan dan pembangunan profesional jurulatih TVET, kerana kualiti tenaga pengajar adalah kunci kepada keberkesanan program ini.
- vi. Membangunkan pangkalan data raya TVET Kelantan yang menyeluruh, untuk membantu perancangan tenaga mahir negeri secara lebih tepat dan berfokus.
- vii. Mempergiatkan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang TVET, bagi memastikan program yang dilaksanakan sentiasa seiring dengan perkembangan teknologi dan permintaan industri.

Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan komitmen kerajaan negeri untuk melahirkan lebih ramai tenaga mahir berkualiti tinggi, sekaligus menyokong aspirasi Kelantan menuju negeri maju dan berdaya saing."

**16. YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL - SALOR**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan nyatakan, jumlah rumah dhua'fa yang didirikan oleh Kerajaan Negeri sepanjang 5 tahun bermula 2020 hingga sekarang?

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

Data kejayaan untuk bina baharu dan baik pulih Ruman Dhuafa' bagi tempoh 5 tahun bermula tahun 2020 sehingga 2025 (Jun) adalah sebanyak 3,528 buah dimana 676 buah adalah bina baharu dan 2,852 buah adalah baik pulih rumah.

Dari segi kos pula, ianya berjumlah keseluruhannya sebanyak RM59,809,461.81 iaitu sebanyak RM33, 309,400.00 bagi bina baharu dan RM26,500,061.81 untuk baik pulih.

Jadual data kejayaan bermula tahun 2009 sehingga tahun 2024 adalah sebagaimana berikut:

**Bantuan Baik Pulih/ Sumbangan Bahan Binaan Bantuan Rumah**

**Dhuafa'**

| BIL                | JAJAHAN     | 2020  | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 (JUN) | JUMLAH |
|--------------------|-------------|-------|------|------|------|------|------------|--------|
| 1                  | KOTA BHARU  | 338   | 60   | 138  | 134  | 138  | 35         | 843    |
| 2                  | PASIR MAS   | 102   | 40   | 72   | 81   | 57   | 21         | 373    |
| 3                  | TUMPAT      | 119   | 20   | 18   | 41   | 22   | 8          | 228    |
| 4                  | TANAH MERAH | 67    | 12   | 25   | 7    | 12   | 0          | 123    |
| 5                  | BACHOK      | 68    | 20   | 40   | 41   | 48   | 8          | 225    |
| 6                  | PASIR PUTEH | 73    | 26   | 39   | 26   | 29   | 0          | 193    |
| 7                  | MACHANG     | 89    | 10   | 27   | 43   | 39   | 1          | 209    |
| 8                  | KUALA KRAI  | 53    | 24   | 16   | 14   | 18   | 11         | 136    |
| 9                  | JELI        | 33    | 14   | 26   | 18   | 14   | 0          | 105    |
| 10                 | GUA MUSANG  | 66    | 88   | 108  | 0    | 67   | 29         | 358    |
| 11                 | LOJING      | 0     | 0    | 0    | 1    | 0    | 0          | 1      |
| 12                 | PPN         | 9     | 15   | 1    | 4    | 29   | 0          | 58     |
| JUMLAH KESELURUHAN |             | 1,017 | 329  | 510  | 410  | 473  | 113        | 2,852  |



| BIL                       | JAJAHAN     | 2020               | 2021                  | 2022                  | 2023                  | 2024                  | 2025 (JUN)            | JUMLAH              |
|---------------------------|-------------|--------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|---------------------|
| 1                         | KOTA BHARU  | RM3,174,699        | RM512,866             | RM1,112,534           | RM1,103,000           | RM1,330,000           | RM624,920             | RM7,858,019         |
| 2                         | PASIR MAS   | RM870,000          | RM420,000             | RM745,000             | RM905,000             | RM700,000             | RM226,000             | RM3,866,000         |
| 3                         | TUMPAT      | RM1,100,000        | RM200,000             | RM245,000             | RM650,000             | RM200,000             | RM90,000              | RM2,485,000         |
| 4                         | TANAH MERAH | RM565,000          | RM200,243             | RM200,345             | RM100,000             | RM200,000             | RM0                   | RM1,265,589         |
| 5                         | BACHOK      | RM450,000          | RM150,000             | RM380,000             | RM265,000             | RM480,000             | RM49,000              | RM1,774,000         |
| 6                         | PASIR PUTEH | RM795,000          | RM280,000             | RM450,000             | RM390,000             | RM420,000             | RM0                   | RM2,335,000         |
| 7                         | MACHANG     | RM676,065          | RM105,000             | RM275,000             | RM590,000             | RM480,000             | RM15,000              | RM2,141,065         |
| 8                         | KUALA KRAI  | RM278,645          | RM134,975             | RM199,963             | RM200,000             | RM255,000             | RM211,642             | RM1,280,225         |
| 9                         | JELI        | RM330,000          | RM239,950             | RM299,348             | RM214,894             | RM175,000             | RM0                   | RM1,259,192         |
| 10                        | GUA MUSANG  | RM201,413          | RM359,743             | RM291,686             | RM0                   | RM417,640             | RM223,991             | RM1,494,473         |
| 11                        | LOJING      | RM0                | RM0                   | RM0                   | RM15,000              | RM0                   | RM0                   | RM15,000            |
| 12                        | PPN         | RM89,000           | RM206,000             | RM5,000               | RM40,000              | RM386,500             | RM0                   | RM726,500           |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |             | <b>RM8,529,822</b> | <b>RM2,808,776.80</b> | <b>RM4,203,875.34</b> | <b>RM4,472,894.04</b> | <b>RM5,044,139.90</b> | <b>RM1,440,553.63</b> | <b>RM26,500,062</b> |

### Bantuan Pembinaan Baharu Bantuan Rumah Dhuafa'

| BIL                       | JAJAHAN     | 2020       | 2021      | 2022       | 2023      | 2024       | 2025 (JUN) | JUMLAH     |
|---------------------------|-------------|------------|-----------|------------|-----------|------------|------------|------------|
| 1                         | KOTA BHARU  | 78         | 23        | 28         | 25        | 27         | 5          | 186        |
| 2                         | PASIR MAS   | 28         | 7         | 10         | 7         | 15         | 0          | 67         |
| 3                         | TUMPAT      | 11         | 9         | 19         | 19        | 15         | 0          | 73         |
| 4                         | TANAH MERAH | 44         | 6         | 11         | 6         | 12         | 0          | 79         |
| 5                         | BACHOK      | 26         | 5         | 5          | 7         | 3          | 0          | 46         |
| 6                         | PASIR PUTEH | 30         | 8         | 8          | 9         | 8          | 0          | 63         |
| 7                         | MACHANG     | 22         | 6         | 7          | 1         | 4          | 0          | 40         |
| 8                         | KUALA KRAI  | 38         | 8         | 12         | 12        | 11         | 0          | 81         |
| 9                         | JELI        | 25         | 2         | 2          | 0         | 5          | 0          | 34         |
| 10                        | GUA MUSANG  | 0          | 0         | 0          | 2         | 0          | 0          | 2          |
| 11                        | PPN         | 0          | 0         | 2          | 3         | 0          | 0          | 5          |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |             | <b>302</b> | <b>74</b> | <b>104</b> | <b>91</b> | <b>100</b> | <b>5</b>   | <b>676</b> |

| BIL                       | JAJAHAN     | 2020                | 2021                  | 2022               | 2023               | 2024                  | 2025 (JUN)             | JUMLAH              |
|---------------------------|-------------|---------------------|-----------------------|--------------------|--------------------|-----------------------|------------------------|---------------------|
| 1                         | KOTA BHARU  | RM3,300,000         | RM960,000             | RM1,467,400        | RM1,317,000        | RM1,445,000           | RM1,750,000            | RM10,239,400        |
| 2                         | PASIR MAS   | RM1,170,000         | RM300,000             | RM545,000          | RM385,000          | RM820,000             | RM0                    | RM3,220,000         |
| 3                         | TUMPAT      | RM440,000           | RM375,000             | RM970,000          | RM1,045,000        | RM825,000             | RM0                    | RM3,655,000         |
| 4                         | TANAH MERAH | RM1,855,000         | RM145,000             | RM565,000          | RM330,000          | RM660,000             | RM0                    | RM3,555,000         |
| 5                         | BACHOK      | RM1,110,000         | RM210,000             | RM265,000          | RM380,000          | RM165,000             | RM0                    | RM2,130,000         |
| 6                         | PASIR PUTEH | RM1,285,000         | RM335,000             | RM410,000          | RM470,000          | RM440,000             | RM0                    | RM2,940,000         |
| 7                         | MACHANG     | RM880,000           | RM55,000              | RM370,000          | RM55,000           | RM230,000             | RM0                    | RM1,790,000         |
| 8                         | KUALA KRAI  | RM1,610,000         | RM345,000             | RM660,000          | RM660,000          | RM605,000             | RM0                    | RM3,880,000         |
| 9                         | JELI        | RM1,060,000         | RM90,000              | RM110,000          | RM0                | RM255,000             | RM0                    | RM1,515,000         |
| 10                        | GUA MUSANG  | RM0                 | RM0                   | RM0                | RM110,000          | RM0                   | RM0                    | RM110,000           |
| 11                        | PPN         | RM0                 | RM0                   | RM110,000          | RM165,000          | RM0                   | RM0                    | RM275,000           |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |             | <b>RM12,710,000</b> | <b>RM3,015,000.00</b> | <b>RM5,472,400</b> | <b>RM4,917,000</b> | <b>RM5,445,000.00</b> | <b>RM 1,750,000.00</b> | <b>RM33,309,400</b> |

**17. YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE - PENGKALAN PASIR**

Minta YAB Ustaz Dato Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah Kerajaan dalam memastikan konsep UMI di semua peringkat pentadbiran di hayati sepenuhnya dalam membina Pentadbiran yg Telus serta memudahkan urusan rakyat.

**JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

Bagi memastikan prinsip UMI ini dilaksanakan secara menyeluruh, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah mengambil beberapa langkah strategik:

Pertama, melalui pengukuhan integriti dan tadbir urus, semua jabatan serta agensi negeri telah menubuhkan Unit Integriti masing-masing. Unit ini bertanggungjawab memantau pematuhan etika perkhidmatan dan memastikan urusan pentadbiran bebas daripada unsur rasuah dan salah guna kuasa.

Kedua, dari sudut pendigitalan pentadbiran, kerajaan negeri telah melaksanakan pelbagai sistem berasaskan teknologi seperti eKelantan, e-Tanah, e-Lesen dan e-Aduan Rakyat. Langkah ini bukan sahaja mempercepatkan proses penyampaian perkhidmatan, bahkan mengurangkan birokrasi serta meningkatkan ketelusan dalam urusan rasmi kerajaan.

Ketiga, kerajaan turut memberi penekanan kepada peningkatan kompetensi pegawai dan penjawat awam negeri. Latihan berterusan dalam bidang pengurusan, komunikasi dan penyampaian perkhidmatan awam dijalankan agar pegawai mampu memberi perkhidmatan yang cepat, tepat dan berintegriti kepada rakyat.

Keempat, pendekatan "people-centric governance" turut diperkukuh. Kerajaan negeri mendengar terus suara rakyat melalui program turun padang, sesi dialog, dan portal aduan digital yang membolehkan rakyat menyampaikan pandangan dan masalah mereka dengan lebih mudah.

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Kerajaan Negeri bersama-sama ILDAN menzahirkan komitmen teguh untuk menghayati konsep Ubudiyyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI) secara menyeluruh di semua peringkat pentadbiran sebagai asas pentadbiran yang telus, berakuntabiliti serta memudahkan urusan rakyat. Pendekatan ini dilaksanakan secara bersepadu melalui penataran kefahaman, penginstitusian sistem tadbir urus yang baik, serta pemerkasaan penyampaian perkhidmatan di barisan hadapan.

Program Sijil Penghayatan UMI anjuran Institut Pendidikan Tinggi Guru (IPTG) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah bermula dengan Siri I Tahun 2024/2025 pada 13 Zulhijjah 1445 / 20 Jun 2024 dan berakhir pada 6 Safar 1447H / 31 Julai 2025. Program ini menyasarkan kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (SUK) dan menggunakan empat Modul Kefahaman Islam terbitan IPTG, iaitu:

- 1) Islam sebagai Ad-Din
- 2) Dua Kalimah Syahadah: Memahami La ilaha illallah
- 3) Dua Kalimah Syahadah: Memahami Muhammad Rasulullah
- 4) Tuntutan Dua Kalimah Syahadah serta Perkara-Perkara Merosakkannya.

Sesi dilaksanakan selama satu jam pada setiap hari Khamis, merangkumi 40 minggu. Siri kedua telah bermula pada 10 Rabiulakhir 1447H / 2 Oktober 2025 dengan modul yang sama.

Di samping itu, agensi-agensi kerajaan memperkukuh peranan masing-masing untuk mengurusperdanakan UMI. ILDAN memperluas latihan berfokus kepada etika dan integriti, budaya kerja itqan, komunikasi beradab, serta pengurusan aduan berhemah kepada penjawat awam dan pendidik. KIAS memperkukuh penghayatan UMI dalam ekosistem pentadbiran dan perkhidmatan pelajar melalui budaya kerja telus, kepatuhan prosedur dan kepimpinan berakauntabiliti. JAHEAIK memantapkan tadbir urus institusi masjid dan hal ehwal agama melalui tazkiyah, pemantauan berasaskan syarak serta pematuhan SOP perkhidmatan umat. SUK pula menerajui penyelarasan dasar, pelaksanaan dan pemantauan Program Sijil UMI, termasuk penyepaduan elemen UMI dalam penilaian prestasi.

Bagi mengukuhkan tadbir urus telus, Kerajaan melaksanakan kajian pematuhan dan pensijilan MS ISO (contoh: Sistem Pengurusan Kualiti), menyemak menyeluruh SOP, memperkemas pemisahan tugas kritikal serta pengisytiharan konflik kepentingan, di samping memantau berasaskan data melalui kehadiran, penilaian pascalatihan, ujian kefahaman dan penyepaduan elemen UMI dalam SKT. Dalam memudahkan urusan rakyat, proses disederhanakan dan didigitalkan (prinsip "digital-by-default"), standard masa penyampaian (SLA) ditetapkan dengan kemudahan track & trace, barisan hadapan SUK/JAHEAIK/PBT diperkasa dengan latihan kecemerlangan berteraskan adab UMI, serta saluran aduan yang telus dan berjadual diperkukuh. Kajian penyelidikan terkini turut dilaksanakan, memfokuskan pembangunan Model Prinsip UMI dalam pentadbiran awam Kerajaan Negeri.

Hasil yang disasarkan termasuk peningkatan kompetensi dan integriti penjawat awam melalui skor penilaian pascalatihan, pematuhan SOP dan audit dalaman; pemendekan masa proses perkhidmatan, peningkatan kadar penyelesaian aduan serta peningkatan kepuasan pelanggan; di samping penghayatan menyeluruh nilai MBI dan UMI yang jelas terpancar dalam bahasa, adab dan pertimbangan dasar yang memuliakan rakyat.

Kesimpulannya, usaha bersepadu melalui SUK, IPTG-BPSM, ILKAN, KIAS, JAHEAIK dan agensi berkaitan telah dan sedang dilaksanakan bagi meningkatkan kompetensi, integriti serta penghayatan UMI/MBI dalam kalangan penjawat awam dan pendidik, seterusnya memudahkan urusan rakyat. Kerajaan Negeri telah memulakan kajian pematuhan standard (MS ISO) dan sentiasa bersedia melakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa demi memperkasa pentadbiran yang telus, berakauntabiliti dan berkhidmat dengan itqan.

**18. YB DATO' HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM - GALAS**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan, perbelanjaan untuk program beras Al Itam terkini untuk tahun 2025.

**JAWAPAN : (YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL)**

Kerajaan Negeri melalui KPKB (selaku pelaksana) telah membelanjakan RM 5.15 Juta bagi Program Skim Al-It'aam dari tahun 2010 sehingga September tahun ini.

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Berikut Merupakan "Point Highlight Belanjawan 2026 - KPKB kepada SIDANG DUN Kerajaan Negeri Kelantan bagi Sektor Pertanian & Komoditi"

- i. Mewujudkan Agro Hub Farm DUN yang akan dimajukan KPKB, di atas Tanah-tanah Hakmilik Agensi Kerajaan Negeri yang terbiar bagi membangunkan Projek-projek Pertanian & Penternakan Jangkamasa Pendek, sekaligus membuka peluang pekerjaan penduduk tempatan serta menjadi Pusat Jualan Sehenti hasil Tani di DUN terlibat. Dalam waktu yang sama lokasi tersebut boleh dijadikan Agro Pelancongan dan Pusat Latihan serta Penerangan Pertanian DUN tersebut.
- ii. Projek Pengembangan Tanaman Keledek sebagai Tanaman Asasi Negeri Kelantan melalui kerjasama KPKB dengan kekuatan MARDI Bachok (Telong), di kenali juga sebagai Pusat Kecemerlangan Penyelidikan & Inovasi yang mana disini mempunyai kemudahan kelengkapan penyelidikan yang menekankan ubi-ubian seperti keledek VitAto sesuai dengan tanahnya yang berpasir. Sekaligus menjadi pengeluar ubi keledek terbesar serta menghasilkan produk hiliran oleh usahawan anak muda tempatan.
- iii. Fokus Industri Pertanian Jangkamasa panjang antaranya Projek Tanaman Kelapa (Pengeluaran Santan & Air Kelapa Pandan), Tanaman Jagung Bijian (Sumber Makanan Ternakan), Pengeluaran Sisa Kilang Sawit Agensi Kerajaan Negeri (Sumber Makanan Ternakan) dan Fokus susun kembali Projek Ternakan Lembu berskala bagi tujuan menjadi peneraju Jualan Lembu Tempatan & Daging Tempatan ke Pasaran Negeri Luar Kelantan. Hubungan Baik KPKB dengan Rangkaian Pengusaha Islam di Selatan Thailand serta penternak-penternak lembu tempatan di Negeri Kelantan membolehkan KPKB bertindak sebagai Pembekal Lembu & Daging Lembu Sejuk Beju Tempatan yang PERTAMA dalam Negara. Menyediakan tempat proses daging HALAL dan kemudahan pengangkutan Sejuk Beku bagi pasaran Luar Kelantan. Sasaran mengurangkan import daging kerbau dari pembekal Negara India.

- iv. TVET Perladangan perlu diwujudkan bagi membuka peluang pekerjaan baru buat golongan Anak Muda Negeri Kelantan. Mengambil semangat Sime Darby Plantation Berhad, konglomerat terbesar Industri Sawit Negara yang mensasarkan 100% Tenaga Kerja Tempatan menjelang tahun 2027. KPKB selaku Agensi Kerajaan Negeri perlu memastikan Hubungan Baik dengan Institut Perladangan & Komoditi Malaysia (IMPAC) Agensi di bawah Kementerian Perladangan & Komoditi menjalankan TVET Perladangan dalam Negeri Kelantan dengan teratur sekali.
- v. TVET Pertanian buat Pondok dan Tahfiz yang telah dilaksanakan melalui KPKB dibawah Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia perlu diperluaskan kepada TVET Pertanian sekolah YIK - Yayasan Islam Kelantan, Terpilih sebagai Perintis. Usahawantani berpengetahuan Agama & berpelajaran melalui Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dikalangan Anak Muda perlu dibina dari sekolah agar Sasaran Kementerian Ekonomi melalui YB Menteri semasa Sesi Libat Urus RMK 13, agar Negeri Kelantan meletakkan fokus untuk memberi penekanan dalam aspek Pertanian dan muncul sebagai Bakul Makanan Negara/ Kelantan Jelapang Makanan.

